

14 JUN 2002

Umno-Perasmian

WAKIL PARTI POLITIK 12 NEGARA AKAN HADIRI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO

KUALA LUMPUR, 14 Jun (Bernama) -- Parti-parti politik daripada 12 negara termasuk China dan Korea Utara akan menghantar perwakilan ke Perhimpunan Agung Umno 2002, Khamis ini.

Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob dalam taklimat kepada media di ibu pejabat Umno di sini hari ini berkata parti-parti politik berkenaan telah mengesahkan kehadiran mereka.

Antaranya ialah Parti Komunis China, Parti Pekerja Korea dan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Singapura.

Parti-parti lain ialah Parti Rakyat Kemboja dan Funcinpec; Parti Bersatu Kebangsaan Sri Lanka; Parti Politik Republikan - "Otan" Kazakhstan; Majlis Keamanan dan Pembangunan Negara Myanmar, Parti Sosialis Ba'th Arab dari Iraq dan Kesultanan Oman.

Mengenai intipati ucapan dasar Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang ditunggu-tunggu oleh pihak asing dan anggota Umno, Khalil berkata: "Tunggulah pada hari perasmian. Pasti ada punch."

"Saya tidak boleh beritahu sekarang, nanti tidak ada suspen lagi," katanya.

Khalil berkata perhimpunan agung itu juga akan dihadiri perwakilan dari 30 Kelab Umno Luar Negara termasuk dari Pakistan, New South Wales dan Melbourne-Australia, Chicago, Jepun, Mesir, Indonesia dan England serta Ireland.

Beliau berkata sebanyak 2033 perwakilan akan menghadiri perhimpunan agung kali ini yang akan membahaskan tiga usul iaitu Ucapan Dasar Presiden, Agama dan Sosial serta usul Pendidikan.

"Tiada usul khusus untuk ekonomi tetapi hal-hal ekonomi biasanya dibahaskan di bawah Ucapan Dasar," katanya.

Katanya acara perasmian didahului dengan upacara menaikkan bendera Umno sebelum Dr Mahathir menyampaikan Ucapan Dasar dan sekali gus merasmikan perhimpunan pada pukul 9.30 pagi.

Dewan Merdeka PWTC sudah mula sibuk dengan acara tahunan Umno mulai Selasa apabila Dr Mahathir selaku presiden parti akan memberi Taklimat Presiden sebelah petang.

Pada sebelah tengah hari Dr Mahathir akan melancarkan buku "Tun Sulaiman Ninam Shah Pengerusi Tetap Umno" di Dewan Tun Dr Ismail.

Menurut Khalil, pada sebelah malamnya akan berlangsung majlis perasmian Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda, Perhimpunan Agung Pergerakan Wanita dan Konvensyen Putri Umno secara serentak di Dewan Merdeka.

Perasmian akan dilakukan oleh Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Majlis perasmian pada malam menjelang perhimpunan agung Pemuda dan Wanita dan Konvensyen Putri Umno esoknya bertujuan menjimatkan masa dan memberi lebih banyak perwakilan membahaskan usul," katanya.

Katanya Perhimpunan Agung Pemuda dan Wanita serta konvensyen Puteri Umno akan berlangsung pada hari Rabu dari pukul 8 pagi hingga 6.30 petang.

Pada sebelah malamnya Majlis Tertinggi Umno akan mengadakan mesyuarat.

Khalil berkata kawalan keselamatan yang ketat akan dikuatkuasakan dan hanya mereka yang memakai tanda nama khas yang dikeluarkan oleh ibu pejabat Umno dibenarkan memasuki dewan persidangan dan pusat media.

--BERNAMA

ZS ZS ZB